

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester KSCP  
Sidang Akademik 2004/2005

Mei 2005

**ZCT 210/4: Analisis Kompleks Dan Persamaan Pembezaan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua **ENAM** soalan. Kesemua soalan wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

- (1) (a) Pertimbangkan persamaan Riccati yang berikut:

$$y' = \frac{2 \cos^2(x) - \sin^2(x) + y^2}{2 \cos(x)} \quad (1)$$

- (i) Tunjukkan bahawa  $y_1(x) = \sin(x)$  adalah satu penyelesaian bagi persamaan (1).

(10/100)

- (ii) Dengan menggunakan keputusan dari (i), tentukan penyelesaian am bagi persamaan Riccati (1).

(40/100)

- (b) Selesaikan persamaan pembezaan berikut dengan kaedah yang sesuai:

$$(xy - y^2) dx + x(x - 3y) dy = 0$$

(50/100)

- (2) Pertimbangkan persamaan pembezaan yang tidak homogen ini:

$$y'' + 16y = \csc(4x) \quad (2)$$

- (a) Cari penyelesaian am,  $y_c(x)$ , bagi persamaan homogen yang terturun dari persamaan pembezaan (2).

(20/100)

- (b) Cari penyelesaian  $y_p(x)$ , bagi persamaan pembezaan (2) dengan kaedah **perubahan parameter**.

(75/100)

- (c) Dari keputusan dalam (a) dan (b), nyatakan penyelesaian am bagi persamaan pembezaan (2).

(5/100)

- (3) (a) Pertimbangkan persamaan pembezaan yang berikut:

$$x(x+1)y'' - \frac{1}{x^2}y' + 5y = 0 \quad (3)$$

Tentukan **titik-titik singular** bagi persamaan pembezaan (3). Kemudian, tentukan sama ada titik-titik singular tersebut adalah titik singular biasa atau bukan titik singular biasa.

(25/100)

- (b) Pertimbangkan persamaan pembezaan yang berikut:

$$2xy'' - 5y' - 3y = 0 \quad (4)$$

Selesaikan persamaan pembezaan (4) dengan menggunakan **kaedah Frobenius** – tentukan:

- (i) persamaan indicial
- (ii) punca-punca persamaan indicial
- (iii) hubungan rekursi
- (iv) empat sebutan pertama bagi setiap dari kedua-dua penyelesaian siri bagi persamaan pembezaan (4).

(75/100)

4. Diberi nombor kompleks  $P = -3 - 7i$ .


- (a) Lakarkan  $P$  di dalam satah kompleks. (10/100)
- (b) Tukarkan  $P$  ke dalam bentuk kutub,  $P = r e^{i\theta}$ . (15/100)
- (c)
  - (i) Terbitkan semua punca yang berbeza bagi  $P^{1/3}$ . (25/100)
  - (ii) Lakarkan punca-punca ini di dalam satah kompleks. (10/100)
- (e) Nilaikan  $P^{-1+2i}$ , dengan jawapan umum diikuti tiga nilai yang pertama. (24/100)

5. Diberi  $f(z) = 3z^3 + (1+2i)$

(a) Nilaikan  $\int_{-2i}^{2i} f(z) dz$  dengan kamiran biasa. (20/100)

(b) Nilaikan  $\int_{-2i}^{2i} f(z) dz$  sepanjang lintasan  $C_1$  (sila rujuk Rajah 1). (40/100)

(c) Nilaikan  $\int_{-2i}^{2i} f(z) dz$  sepanjang lintasan  $C_2$  (sila rujuk Rajah 1). (40/100)



Rajah 1

[Nota: Lintasan  $C_1$  ialah satu semi-bulatan dari  $(0, -2)$  ke  $(0, 2)$  yang berjejari 2 dan berpusat pada  $z = 0$  ]

[Nota: Lintasan  $C_2$  ialah ialah satu garis lurus dari  $(0, -2)$  ke  $(0, 2)$ ]

6. Diberi  $g(z) = \frac{1}{z^3 + 125}$
- (a) Cari kutub-kutub yang terhingga bagi  $g(z)$ . (15/100)
  - (b) Lakarkan kutub-kutub ini di dalam satah kompleks. (15/100)
  - (c) Cari reja-reja bagi  $g(z)$  pada kutub-kutub ini. (25/100)
  - (d) Nilaikan kamiran,  $I = \int_{-\infty}^{\infty} g(z) dz$  dengan teorem reja. (45/100)

- 000 O 000 -